Fail : ( )dlm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.4

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL. 2/2020

==========

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN DAN CARTA PERBATUAN BAGI PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

---

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai Prosedur Operasi Standard Pelaksanaan dan Carta Perbatuan Bagi Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "SOP").

2. LATARBELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2019 pada 21 Ogos 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke 25/2019 pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan dasar baru bagi kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran iaitu Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor. (selepas ini dirujuk sebagai "Program tersebut").

2.2 Kesinambungan daripada itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2019 bertarikh 20 September 2019 telah dikeluarkan bagi menguatkuasakan Pelaksanaan Program tersebut selama satu (1) tahun mulai 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2020.

2.3 Pelaksanaan Program tersebut adalah bagi menggantikan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang telah tamat pada 31 Disember 2015.

3. OBJEKTIF

SOP ini diadakan bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan dan Carta Perbatuan Bagi Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor yang perlu dipatuhi oleh semua PTD dan PBT.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.

(YUSRI BIN ZAKARIAH)S.M.S
Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
Bertarikh : 1 Julai 2020

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELAKSANAAN DAN CARTA PERBATUAN PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

PraKata

Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor

Assalamualaikum wbr dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) dapat menerbitkan "Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelaksanaan Dan Carta Perbatuan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.

SOP ini diterbitkan di antaranya untuk menjelaskan kepada semua pegawai di pentadbiran tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung tatacara kerja yang perlu dipatuhi dalam Pelaksanaan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.

Justeru itu, dengan adanya SOP ini diharap dapat membantu penjawat awam di pentadbiran tanah dan Agensi Kerajaan yang berkaitan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memastikan keseragaman proses kerja dalam melaksanakan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor.

Terima kasih.

(YUSRI BIN ZAKARIAH)
Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Selangor

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	M/S
Singkatan		5
Senarai Lampiran		6
1.0	Tujuan	7
2.0	Latar Belakang	7
3.0	Objektif	8
4.0	Skop	8
5.0	*Tatacara Tindakan PDT Di Bawah Seksyen 124(1)(a)dan(c)*	8
6.0	Proses Kerja Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Dalam Zon Perindutrian.	9 - 12
7.0	Proses Kerja Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Dalam Zon Perindutrian.	13 - 14
7.0	Carta Alir Permohonan Mengubah Syarat Nyata Dan Kategori Tanah Di Bawah Seksyen 124 (1)(a)Dan(c) KTN 1965 Dalam Zon Perindustrian	15
7.0	Carta Alir Permohonan Mengubah Syarat Nyata Dan Kategori Tanah Di Bawah Seksyen 124 (1)(a)Dan(c) KTN 1965 Luar Zon Perindustrian	16
8.0	Tatacara Tindakan Pihak Berkuasa Tempatan Di Bawah Undang-Undang Sedia Ada	17
8.1	Syarat Permohonan Oleh Pengilang	17
8.2	Proses Kerja	17
8.3	Permohonan Kilang Yang Di Dalam Zon Industri	17
8.4	Permohonan Kilang Yang Di Luar Zon Industri	17-18
8.5	Maklumat Bancian	18
8.6	Carta Alir Bagi Permohonan Kilang Tanpa Kebenaran Yang Berada Dalam Zon Industri	19

8.7 Carta Alir Bagi Permohonan Telah Diluluskan Dengan Syarat Dalam OSC Tetapi Belum Dapat C1 20

9.0 Carta Perbatuan 21

Lampiran A – G (Pejabat Tanah Daerah) 22 - 40

Lampiran H – O (Pihak Berkuasa Tempatan) 41- 53

SINGKATAN

KTN	-	Kanun Tanah Negara, 1965
KKTS	-	Kaeadah-Kaedah Tanah Selangpr 2003
PTD	-	Pentadbir Tanah Daerah
PDT	-	Pejabat Daerah/Tanah
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
KPPD	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah
KPP	-	Ketua Penolong Pengarah
PPD	-	Penolong Pegawai Daerah
PH	-	Pendaftar Hak milik
PP	-	Penolong Pengarah
KPPT	-	Ketua Penolong Pegawai Tanah
PPT	-	Penolong Pegawai Tanah
PT	-	Pembantu Tadbir (Kerani)
DHKK	-	Dokumen Daftaran Hakmilik Keluaran Komputer
SOP	-	Prosedur Operasi Standard Pelaksanaan Program Pematuhan Syarat Dan Carta Perbatuan Bagi Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.
PTGS	-	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor

SENARAI LAMPIRAN

Dokumen Kegunaan PDT

Lampiran A:	Senarai Semak bagi Permohonan Tukar Syarat Tanah Dibawah Seksyen 124 (1) (a) Dan (c) Kanun Tanah Negara Bagi Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor
Lampiran B:	Contoh Kertas Ringkasan Bagi Kilang Di Dalam Zon Industri
Lampiran C:	Contoh Kertas Ringkasan Bagi Kilang Di Luar Zon Industri
Lampiran D:	Notis Dalam Borang 7C - Memorandum Mengenai Perubahan Syarat-Syarat, Sekatan-Sekatan dan Kategori
Lampiran E:	Notis Dalam Borang 7G - Notis Bahawa Pembayaran Kena Bayar (Perubahan Syarat-Syarat/Sekatan-Sekatan/Kategori-Kategori)
Lampiran F:	Notis Dalam Borang 5A - Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar
Lampiran G	Notis Dalam Borang 2B - Notis Supaya Mengemukakan Dokumen

Dokumen Kegunaan PBT

Lampiran H:	Format Borang Bancian Aktiviti Industri (Semasa Bancian Dilaksanakan)
Lampiran I:	Format Notis Pemberitahuan Perancang oleh Jabatan Perancang PBT
Lampiran J:	Notis Kaedah F - Notis Memanggil Permohonan Untuk Kebenaran Merancang Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang oleh Jabatan Perancang PBT
Lampiran K:	Notis Kaedah H - Notis Supaya Tanah Dipulihkan Semula Kepada Keadaan Asal Selepas Kegagalan Untuk Memohon Atau Kegagalan Untuk Mendapatkan Kebenaran Merancang oleh Jabatan Perancang PBT
Lampiran L:	Notis Kaedah D - Notis Supaya Memulihkan Semula Tanah Kepada Keadaan Asal Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang oleh Jabatan Perancang PBT
Lampiran M:	Notis Pemberitahuan Bangunan oleh Jabatan Bangunan PBT
Lampiran N:	Notis Amaran - Notis Mengemukakan Pelan Bangunan atau Membuka Struktur oleh Jabatan Bangunan PBT
Lampiran O:	Notis Kompaun - Notis Kompaun Kesalahan Tidak Mengemukakan Pelan Bangunan oleh Jabatan Bangunan PBT

***PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)* PELAKSANAAN DAN CARTA PERBATUAN BAGI PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR**

1.0 Tujuan

SOP ini menjelaskan kaedah pelaksanaan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor mengikut peruntukan perundangan yang sedia ada bagi PDT dan PBT selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2019: Program Pematuhan Syarat Dan Pematuhan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.

2.0 Latar Belakang

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-24/2019 pada 21 Ogos 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke-25/2019 pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan dasar baru bagi kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran iaitu Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.

2.2 Kesinambungan daripada itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2019 bertarikh 20 September 2019 telah dikeluarkan bagi menguatkuasakan pelaksanaan Program tersebut selama satu (1) tahun mulai 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2020.

2.3 Pelaksanaan Program tersebut adalah bagi menggantikan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang telah tamat pada 31 Disember 2015.

3.0 Objektif

Menjelaskan tatacara kelulusan permohonan mengubah syarat nyata dan kategori tanah di bawah seksyen 124 (1)(a)dan(c) KTN.

4.0 Skop

SOP ini merangkumi kaedah yang boleh diguna pakai oleh pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan proses permohonan mengubah syarat nyata dan kategori tanah di bawah seksyen 124 (1)(a)dan(c) KTN.

5.0 Tatacara Tindakan PDT Di Bawah Seksyen 124(1)(a)dan(c)

5.1. Peraturan Pentadbiran

5.1.1 Semakan ke atas permohonan hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum apa-apa tindakan lanjut dijalankan;

5.1.2 Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh PTD; dan

5.1.3 Borang 7G hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera.

6.0 Proses Kerja Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Dalam Zon Perindutrian.

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
1	Terima permohonan	1.1 Permohonan hendaklah dibuat borang seperti yang ditetapkan dalam *Schedule XVI* KKTS. 1.2 Permohonan hendaklah disertakan bersama dengan dokumen seperti dalam Senarai Semak di Lampiran A dan maklumat tambahan seperti berikut: (a) Laporan Cadangan Pemajuan; (b) Persetujuan bertulis tiap-tiap orang/badan yang mempunyai kepentingan berdaftar atas tanah atau menuntut faedah di bawah sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran (c) Surat kuasa wakil. 1.3 Penerimaan permohonan hendaklah diakui serta merta.	KPPD/ PPD/PT	Seksyen 124(1) KTN KKTS Seksyen 157(A) KTN Seksyen 157B KTN
2.	Buka fail	2.1PT buka fail permohonan setelah semakan dibuat. 2.2Fail yang telah lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai untuk tindakan selanjutnya.	PTD/KPPD/ PPD/PT	
3.	Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah	3.1Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah hendaklah mengandungi, antara lain, perkara-perkara yang berikut: (a) Jika berkenaan, pernyataan bahawa tiap-tiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar pada tanah atau yang menduduki mana-mana bahagian tanah di bawah sewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran, telah bersetuju dengan permohonan itu; (b) Suatu pernyataan bahawa tiada tunggakan cukai tanah tahunan; (c) Jika permohonan dibuat mengikut seksyen 124 (1)(a)dan(c) KTN, dan kelulusan yang dibuat	KPPD/PPD /PT	Seksyen 124(1) KTN Seksyen 124(5) (a)KTN Seksyen 124(5) (aa)KTN Seksyen 124(5) (b)KTN Seksyen 124(5) (c)KTN

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
		tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian, suatu pernyataan bahawa tiap-tiap orang/badan seperti yang dinyatakan pada (a) di atas telah bersetuju dengan ubahsuaian-ubahsuaian tersebut; (d) Jika permohonan dibuat oleh sesiapa di bawah surat kuasa wakil yang diberi oleh tuan punya, pernyataan bahawa keperluan mengikut seksyen 157A KTN telah dipenuhi; (e) Arahan yang Pihak Berkuasa Negeri perlu berikan mengikut subseksyen 124 (2)(a) dan (b) atau (3) atau (4) KTN; (f) Kadar premium tambahan; (g) Bayaran-bayaran lain seperti yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003; (h) Kadar cukai baru; (i) Keperluan-keperluan lain yang PTD fikirkan patut dipatuhi oleh pemohon (bagaimanapun ini hendaklah selaras dengan undang-undang) yang berkuat kuasa. 3.2 Kertas ringkasan yang lengkap hendaklah disemak oleh PPD sebelum diserahkan kepada KPPD untuk pengesahan. 3.3 Kertas ringkasan yang lengkap di bawa ke Jawatankuasa untuk pertimbangan. 3.4 Kertas ringkasan di luar zon perindustrian yang telah lengkap hendaklah dihantar ke PTGS untuk dibawa ke mesyuarat jawatankuasa peringkat Negeri.		
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah.	4.1 Menimbang dan meluluskan permohonan di bawah Seksyen 124(1)(a)dan(c), Seksyen 124A, Seksyen 197 dan Seksyen 76 KTN serta Seksyen 204 KTN bagi permohonan di dalam zon perindustrian.	PTD/KPPD/ PPD	Seksyen 124 (8)KTN Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
		4.2 Membincangkan perkara-perkara atau permasalahan di dalam zon perindustrian.		Bilangan 2/2019
5.	Keputusan Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah.	5.1 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah dimaklumkan kepada Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor. 5.2 Memaklumkan pemohon tentang kelulusan dan syarat nyata baru yang telah diluluskan. 5.3 Pemohon dikehendaki membayar fi yang dikenakan seperti dalam Borang 7G. 5.4 Permohonan yang ditolak oleh Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah boleh diangkat ke Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor untuk pertimbangan. 5.5 Permohonan yang ditolak oleh Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor, PDT hendaklah mengeluarkan Permit Khas selama satu (1) tahun untuk memberi peluang pemilik berdaftar tanah berpindah ke kawasan zon perindustrian. 5.6 PDT hendaklah mengambil tindakan di bawah seksyen 127 hingga seksyen 130 KTN selepas tamat tempoh Permit Khas.	PTD/KPPD/ PPD/PTGS	Seksyen 124 (8)KTN Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2019
6.	Tindakan PDT	6.1 Memorandum hendaklah disediakan menggunakan Borang 7C. 6.2 Memorandum dalam Borang 7C hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Hakmilik untuk endorsan. 6.3 Memorandum hendaklah disertakan dengan DHKK.	PTD/KPPD/ PPD/PT	Seksyen 124 (4) dan (7) KTN
7.	Tindakan PH	7.1 Endorsan hendaklah dibuat dalam dokumen hakmilik dan ditandatangani serta dimeterai.	PTD/KPPD/ PPD/PT	Seksyen 124 (4) dan (7) KTN

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
		7.2 PDT mengembalikan DHKK (baru) kepada pemilik tanah berdaftar atau kepada mana-mana orang yang daripadanya diperolehi DHKK, dan penerimaan hendaklah diakuterima atau sekiranya pemilik berdaftar tanah tidak dapat hadir, wakil pemilik berdaftar tanah hendaklah membawa surat kuasa wakil. 7.3 PDT hendaklah memastikan bahawa kemasukan dibuat dalam daftaran cukai jika pengubahan melibatkan cukai.		
8.	Permit Khas	8.1 Tatacara dan kaedah pengeluaran Permit Khas adalang seperti di Pekeliling PTGS Bil.2/2007 (Tatacara Pemakaian Pekeliling Kptg Bil. 1/2003 Ke Atas Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran Yang Terlibat Dengan Program Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor).		

7.0 Proses Kerja Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Luar Zon Perindutrian.

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
1	Terima permohonan	1.1 Terima permohonan daripada PDT. a. Permohonan yang ditolak oleh Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah. b. Permohonan di luar zon perindustrian. 1.2 Semak permohonan	PT/PPT	
2.	Buka fail	2.1 PT buka fail permohonan setelah semakan dibuat. 2.2 Fail yang telah lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai untuk tindakan selanjutnya.	KPP/PP/KP PT/PPT/PT	
3.	Laporan PPT	3.1 PPT menyediakan laporan tanah tambahan untuk Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor.	KPP/PP/KP PT/PPT/PT	
4.	Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor	4.1 PPT/PT sediakan syor Pengarah Tanah Dan Galian Selangor 4.2 Sediakan kertas ringkasan.	PPT/PT	
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor.	5.1 Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan-permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN dan Seksyen 204 KTN serta Seksyen 197 KTN dan 76 KTN termasuk kes-kes yang melibatkan tempoh pajakan bagi kilang-kilang tanpa kebenaran. 5.2 Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengkaji kesesuaian kilang – kilang yang berada dalam zon dan di luar zon yang ditetapkan oleh PBT serta bertanggungjawab mengemukakan pandangan – pandangan atau cadangan baru kepada PBN bagi menambahbaik dasar sedia ada dari semasa ke semasa dengan menjalankan kajian di Negeri – Negeri atau Negara lain. 5.3 Jawatankuasa ini bertanggungjawab memperakukan tindakan	KPP/PP/KP PT/PPT/PT	

BIL	PERKARA	PROSES KERJA	TINDAKAN	RUJUKAN
		penguatkuasaan di atas tanah yang melibatkan bayaran pampasan sebelum dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan (contoh tanah AA dan EMR) . 5.4 Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak dan menentukan kadar bayaran bagi permit khas tanah, lesen perniagaan sementara dan caruman infrastruktur serta lain-lain kadar bayaran yang patut dikenakan. 5.5 Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelesaikan isu-isu berkaitan kilang-kilang tanpa kebenaran di atas tanah hakmilik dan tanah kerajaan. 5.6 Mengkaji dan menilai cadangan daripada PDT berkaitan kilang-kilang yang berada diluar zon perindustrian supaya supaya dizonkan sebagai kawasan perindustrian.		
6.	Keputusan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor	6.1 Semua keputusan Mesyuarat Jawatankusa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor akan dimaklumkan kepada PDT untuk tindakan selanjutnya.	KPP/PP/KPPT/PPT/PT	

8.0 Carta Alir Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Dalam Zon Perindutrian.



9.0 Carta Alir Permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN 1965 Luar Zon Perindutrian.



10.0 TATACARA TINDAKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

10.1 Syarat Permohonan oleh pemilik tanah/pengusaha untuk dimasukkan ke dalam senarai.

Pemohon perlu mengemukakan dokumen ke Jabatan Perancang:

a) Surat permohonan;
b) Salinan geran;
c) Bil elektrik/air sebelum 28 Ogos 2019 (3 bulan);
d) Salinan SSM;
e) Gambar semasa tapak;
f) Salinan Penjanjian Sewaan;
g) Surat akujanji untuk mendapatkan kelulusan di PBT (jika perlu); dan
h) Dokumen tambahan pelan ukur terperinci (jika perlu).

10.2 Proses Kerja

a) PBT diminta untuk menjalankan inventori (bancian) bagi kilang-kilang yang telah beroperasi sebelum 28 Ogos 2019.

b) Jabatan Perancang PBT perlu memasukkan kilang ini di dalam senarai terbaru.

10.3 Permohonan Kilang Yang Berada Di Dalam Zon Industri

a) Kilang yang berada di dalam zon gunatanah industri boleh mengemukakan permohonan pelan pemajuan (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan) ke Jabatan Pusat Setempat (OSC) dengan melantik juru perunding bertauliah.

10.4 Permohonan Kilang Yang Berada Di Luar Zon Industri

a) Kilang yang berada di luar zon gunatanah industri mengikut Rancangan Tempatan hendaklah memulihkan tanah kepada keadaan asal sebelum 30 September 2020.

b) Jika pemohon ingin mengekalkan aktiviti pembangunan tersebut boleh mengemukakan permohonan rayuan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengikut daerah.

c) Pejabat Tanah Daerah akan menyediakan kertas ringkasan dan akan membawa permohonan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor.

d) Sekiranya permohonan dipertimbangkan dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut, pemohon boleh mengemukakan permohonan ke PBT untuk pindaan zoning.

10.5 Maklumat Bancian adalah seperti berikut (rujuk Lampiran E):

a) No lot, Nama Jalan
b) Koordinat tapak
c) Nama Pengusaha
d) No. Telefon Pengusaha
e) No. Faks Pengusaha
f) Salinan SSM
g) Aktiviti Yang Dilaksanakan
h) Lakaran Kedudukan Bangunan

10.6 Carta Alir Bagi Permohonan Kilang Tanpa Kebenaran Yang Berada Dalam Zon Industri



NOTA:

1. *Syarat teknikal minima PBT hanya digunapakai terhadap permohonan yang telah lulus tukar syarat tanah kepada industri. (Rujuk Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2019 Perkara 3.3.2 (f) muka surat 10).*

2. *Lot tanah yang telah memperolehi kelulusan tukar syarat industri, boleh mengemukakan permohonan serentak pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan.*

3. *Tempoh proses berdasarkan Prosedur Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan PBT*

10.7 Carta Alir Bagi Permohonan Telah Diluluskan Dengan Syarat Dalam OSC Tetapi Belum Dapat C1

NOTA:

1. *Sekiranya pemohon telah memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang C1 dan ingin mendapatkan insentif Kilang Tanpa Kebenaran. Pemohon perlu mengemukakan pindaan pelan Kebenaran Merancang.*

11.0 Carta Perbatuan

TINDAKAN	2019			2020											
	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Bancian/ Hebahan / Publisiti / Sesi Dialog															
Sorting Bancian / Notis Pentadbiran															
Proses Permohonan															
Notis Undang-Undang															
Penguatkuasaan															
Mesyuarat J/K Khas Negeri															
Mesyuarat J/K Khas Daerah															

Petunjuk:
- Tindakan Negeri
- Tindakan Pejabat Tanah
- Tindakan Pihak Berkuasa Tempatan

Nota:

1. *Bancian terhadap inventori kilang tanpa kebenaran*
2. *Hebahan / Publisiti / Sesi Dialog tehadap Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor*
3. *Notis Pentadbiran berdasarkan Undang-undang sedia ada oleh Pejabat Tanah dan PBT.*
4. *Notis Undang-undang oleh PBT berdasarkan Akta 172, Akta 133 dan lain-lain yang berkaitan.*
5. *Penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah da PBT mengikut undang-undang sedia ada.*
6. *Mesyuarat J/K Negeri dipengerusikan oleh YB EXCO*
7. *Mesyuarat J/K Daerah dipengerusikan oleh PTD (Pentadbir Tanah Daerah).*

Lampiran A

SENARAI SEMAK

PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DIBAWAH SEKSYEN 124 (1) (a) DAN (c) KANUN TANAH NEGARA BAGI PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

1.0 Telah ada bangunan dan beroperasi sebelum 1 Oktober 2019

- 1.1 Gambar bangunan; dan ☐
- 1.2 Bil elektrik; atau ☐
- 1.3 Bil air; atau ☐
- 1.4 Bil telefon ☐

2.0 Pengesahan zon gunatanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan ☐

3.0 *Schedule XVI (Selangor Land Rules 2003)* – 2 salinan

- 3.1 Borang Permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pemilik Tanah Atau Pemegang Surat Kuasa Wakil (P.A) atau Pengarah Syarikat *(Common Seal)* ☐
- 3.2 Surat Kuasa Wakil (P.A) didaftarkan di Mahkamah Tinggi dan Pejabat Pendaftar Hakmilik sekiranya permohonan dibuat oleh wakil pemilik tanah ☐

4.0 Memorandum And Article Of Association beserta Borang 49 dan 24

- 4.1 sekiranya permohonan dibuat oleh syarikat ☐

5.0 Bayaran permohonan mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 bagi hakmilik:

- 4.1 Tidak lebih satu hektar - RM 70.00 ☐
- 4.2 1 hektar hingga 10 hektar - RM 140.00 ☐

6.0 Pelan yang mengandungi Pelan Kunci, Pelan Lokasi dan Pelan Tapak yang disediakan oleh Jururancang Bersekutu (Berdaftar) - 10 salinan ☐

- 6.1 Pelan Kunci
  - 6.1.1 Pelan Kunci hendaklah dalam skill 1 inci = 1 batu
  - 6.1.2 Lot berkenaan hendaklah ditanda dengan merah dan jalan ditanda dengan kuning
  - 6.1.3 Kedudukan tanah (milestone), mukim, nombor lot dan nombor syit ukur hendaklah ditandakan
  - 6.1.4 Nyatakan maklumat mengenai Kawasan Simpanan Melayu, simpanan parit, simpanan hutan, Kawasan tadahan air, simpanan orang Asli dan Majlis Penguasa Tempatan hendaklah ditandakan

6.1.5 Kawasan pembangunan dalam linkungan 3 km seperti Rancangan Perumaha, Industri dan lain-lain projek pembangunan hendaklah juga dimasukkan

6.2 Pelan Lokasi

6.2.1 Pelan Lokasi hendaklah dalam skil 1 inci = 8 rantai, 1 inci = 1 rantai, (tertakluk kepada keluasan tanah) dengan menunjukkan beberapa lot yang berhampiran dan jalan keluar masuk dari jalan raya JKR ke rancangan tanah berkenaan

7.0 Pelan permohonan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Juruukur berlesen ☐

8.0 Pelan hendaklah ditandatangani oleh kesemua pemilik ☐

9.0 Sijil Carian Rasmi Asal ☐

10.0 Sesalinan resit cukai tanah tahun semasa ☐

11.0 Sesalinan hakmilik tanah ☐

12.0 Sesalinan kad pengenalan pemohon/pemilik tanah ☐

13.0 Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) ☐

14.0 Surat persetujuan bertulis daripada pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar keatas tanah samada Pemegang Gadaian,Kaveat, atau tuntutan faedah dibawah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran. ☐

15.0 Nombor telefon/ Nombor telefon bimbit/ fax/ e-mail. ☐

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Disemak oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Lampiran B

CONTOH KERTAS RINGKASAN BAGI KILANG DI DALAM ZON INDUSTRI

RAHSIA
Bil.( )dlm.....

DOKUMEN INI IALAH HAKMILIK KERAJAAN SELANGOR

PERMOHONAN UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA KHAS PENYELESAIAN KILANG TANPA KEBENARAN DAERAH .....

PERMOHONAN MENGUBAH KATEGORI KEGUNAAN TANAH DARIPADA 'PERTANIAN' KEPADA 'INDUSTRI' SERTA MEMINDA SYARAT NYATA TANAH DARIPADA 'TANAMAN KEKAL (INDUSTRI)' KEPADA 'INDUSTRI RINGAN' DI BAWAH SEKSYEN 124 (1)(a) DAN (c) KANUN TANAH NEGARA KE ATAS HAKMILIK PM ..... LOT ..... MUKIM ....., DAERAH ..... SELUAS ..... HEKTAR (..... EKAR)

PEMOHON : .....

---

1. TUJUAN :

Permohonan mengubah kategori kegunaan tanah daripada 'Pertanian' kepada 'Industri' serta meminda syarat nyata tanah daripada 'Tanaman Kekal (Industri)' kepada 'Industri Ringan' di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN ke atas hakmilik PM ..... Lot ..... Mukim....., Daerah ..... seluas ..... hektar (..... ekar).

2. PEMOHON/ ALAMAT

2.1 Nama Pemohon Atau Nama Syarikat :

2.2 Alamat Pemohon Atau Alamat Syarikat :

2.3	Ahli Lembaga Pengarah	:	i.	Nama :
				No. K/P :
			ii.	Nama :
				No. K/P :
2.4	Pemegang Saham	:	i.	Nama :
				No. K/P :
			ii.	Nama :
				No. K/P:

3. MAKLUMAT HAKMILIK

3.1	No. Hakmilik/ Lot	:
3.2	Tempoh	:
3.3	Luas	:
3.4	Cukai Tahunan	:
3.5	Tarikh Daftar	:
3.6	Tarikh Luput Pajakan	:
3.7	Kategori	:
3.8	Syarat Nyata	:
3.9	Sekatan Kepentingan	:
3.10	Tanggungan	:
3.11	Kebenaran	:

4. MAKLUMAT TANAH

4.1 Kedudukan Tanah

4.1.1	Jenis tanah	:
4.1.2	Letaknya di kawasan	:
4.1.3	Mukim / Daerah	:
4.1.4	Dalam Majlis	:
4.1.5	Dalam / Luar Rizab Melayu	:

4.2 **<u>Keadaan tanah</u>**

4.3 **Kegunaan semasa di atas tanah**

4.4 **Keadaan Sekeliling Tanah Sekitar**

4.4.1 Utara :

4.4.2 Selatan :

4.4.3 Timur :

4.4.4 Barat :

5. ULASAN JABATAN TEKNIKAL

5.1 Pihak Berkuasa Tempatan :

5.2 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor :

5.3 Jabatan Alam Sekitar :

5.4 Jabatan Pengairan dan Saliran :

6. ULASAN DAN SYOR PENTADBIR TANAH .....

6.1 Pentadbir Tanah Daerah..... menyokong permohonan ini kerana tapak tersebut berada di dalam zon untuk kegunaan industri.

6.2 Disyorkan **lulus** permohonan mengubah kategori kegunaan tanah daripada 'Pertanian' kepada 'Industri' serta meminda syarat nyata tanah daripada 'Tanaman Kekal (Industri)' kepada 'Industri Ringan' di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN ke atas hakmilik PM..... Lot.....Mukim ....., Daerah ..... seluas ..... hektar (..... ekar) dengan dikenakan syarat – syarat dan bayaran seperti berikut :

6.2.1 Kategori, syarat nyata, premium tambahan, cukai tahunan dan sekatan kepentingan seperti berikut :

i. Kategori	:	Industri;
ii. Syarat Nyata	:	Industri Ringan;
iii. Premium Tambahan	:	30% x nilaian tanah baru yang diluluskan x luas; atau 25% x nilaian tanah baru yang diluluskan x luas; atau 20% x nilaian tanah baru yang diluluskan x luas.
iv. Cukai Tahunan	:	Mengikut Kaedah –Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016;
v. Sekatan Kepentingan	:	Tiada; dan
vi. Tanggungan	:	Tidak Berkenaan

6.2.2 Industri ringan yang dibina tertakluk kepada keperluan piawaian Pihak Berkuasa Perancang dengan harga bebas;

6.2.3 Pemilik tanah dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak Garispanduan Syarat Teknikal Minima Pihak Berkuasa Tempatan dalam Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran;

6.2.4 Pemilik tanah dikehendaki menyediakan pelan susun atur yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang dengan mematuhi dasar dan garis panduan perancangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri;

6.2.5 Pihak Berkuasa Tempatan tidak dibenarkan menandatangani Pelan Bangunan dan Pelan Kerja Tanah selagi hal-hal tanah belum diselesaikan;

6.2.6 Pemilik tanah dikehendaki membayar caruman parit sebanyak RM10,000.00 seekar kepada Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor;

6.2.7 Tapak Pencawang Elektrik

i. Sekiranya menyediakan tapak pencawang elektrik, hakmilik berasingan akan dikeluarkan kepada pemohon sebelum dipindah milik kepada Tenaga Nasional Berhad dan dikenakan syarat dan bayaran mengikut Pekeliling PTGS Bil.11/2010; atau;

ii. Sekiranya menyediakan tapak pencawang elektrik yang dibina di atas lot yang sama tetapi tidak diserahkan, memadai dikeluarkan secara pajakan di bawah Seksyen 221(3)(b), Kanun Tanah Negara 1965;

6.2.8 Industri ringan yang dilaksanakan hendaklah terdiri daripada jenis industri yang dikategorikan sebagai ringan mengikut '*Guideline for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas*' yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar;

6.2.9 Pemilik tanah dikehendaki mematuhi kehendak-kehendaki Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 *(Environmental Quality Act 1974);*

6.2.10 Mengikut dasar yang ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

6.2.11 Pemilik tanah dikehendaki mengemukakan hakmilik asal ke Pejabat Daerah dan Tanah ..... semasa membuat pembayaran premium tambahan untuk endosan kategori dan syarat nyata tanah mengikut kelulusan.

6.2.12 Mengikut kepada Pekeliling PTGS Bil. 2/2019, pemilik kilang atau pemilik berdaftar tanah yang menyertai Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran adalah layak mendapat insentif berikut:-

i) Pengurangan 30% bayaran premium sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 2 bulan;atau

ii) Pengurangan 20% bayaran premium sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 4 bulan; atau

iii) Pengurangan 10% bayaran premium sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 6 bulan;atau

iv) Bayaran nominal sebanyak 10% daripada jumlah premium

atau premium tambahan yang telah diluluskan. Kaveat pendaftar hendaklah didaftarkan di dalam hakmilik bagi menghalang pemilik berdaftar tanah melakukan transaksi ke atas tanah tersebut. **"Pemilik berdaftar tanah hendaklah menjelaskan bayaran premium atau premium tambahan kepada Kerajaan Negeri sebelum apa-apa urusan pindah milik melalui kaedah jualbeli baru didaftarkan".**

6.2.14 Pemilik kilang / pemilik berdaftar tanah adalah layak mendapat lain-lain insentif yang ditawarkan di bawah Pekeliling PTGS Bil. 2/2019

---

7. PERAKUAN

Perakuan Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah:

LULUS/TOLAK/TANGGUH

8. KEPUTUSAN

Keputusan Pentadbir Tanah Daerah.....

LULUS/TOLAK/TANGGUH

(NAMA PENTADBIR TANAH DAERAH)
Pentadbir Tanah .....
Tarikh :

Lampiran C

CONTOH KERTAS RINGKASAN BAGI KILANG DI LUAR ZON INDUSTRI

RAHSIA
NO. FAIL JABATAN
NO. FAIL PTGS

DOKUMEN INI IALAH HAKMILIK KERAJAAN SELANGOR

PERMOHONAN UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA KHAS PENYELESAIAN KILANG TANPA KEBENARAN NEGERI SELANGOR

PERMOHONAN MENGUBAH KATEGORI KEGUNAAN TANAH DARIPADA 'PERTANIAN' KEPADA 'INDUSTRI' SERTA MEMINDA SYARAT NYATA TANAH DARIPADA 'TANAMAN KEKAL (INDUSTRI)' KEPADA 'INDUSTRI RINGAN' DI BAWAH SEKSYEN 124 (1)(a) DAN (c) KANUN TANAH NEGARA KE ATAS HAKMILIK PM ..... LOT ..... MUKIM ....., DAERAH ..... SELUAS ..... HEKTAR (..... EKAR)

PEMOHON : .....

---

1. **TUJUAN** :

